



## TAJUK KHUTBAH JUMAAT

### **BULAN YANG DINANTIKAN**

Siri: 15/2021

**26 Syaaban 1442 H**

*Bersamaan*

**9 APRIL 2021**

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

#### **PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**. Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali RUKUN, AYAT AL-QURAN dan helaian muka surat yang diterima.

Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَتَائِيْهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتُبَ عَلَيْكُمْ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ  
مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَنَقُّوْنَ . وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ  
أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، الْمَبْعُوتُ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ .

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَى هَذَا النَّبِيِّ الْكَرِيمِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ،  
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ .

### **Saudara-saudaraku sidang Jumaat sekalian,**

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan dengan ini kita sentiasa mendapat rahmat dan kebahagiaan di dunia mahu pun akhirat. Marilah kita bersama-sama menghayati khutbah pada hari ini bertajuk:

***"BULAN YANG DINANTIKAN"***

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT sekalian,**

Apabila kita menjelaki perjalanan hidup salafus soleh terdahulu, enam bulan lebih awal mereka sudah bersedia menanti kedatangan Ramadhan. Dua bulan sebelum Ramadhan, persediaan mereka nampak lebih ketara dengan memperbanyak berdoa agar mereka dipertemukan dengan Ramadhan

tersebut. Mereka juga membuat persiapan rapi mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan amalan-amalan sunat dengan memperbanyakkan bersedekah, membaca al-Quran dan lain-lain lagi. Bagaimana pula dengan kita? Sudahkah melakukan persiapan menyambut Ramadhan?

Bulan Ramadhan merupakan bulan yang sangat agung. Pada bulan ini diwajibkan ke atas semua umat Islam supaya berpuasa. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 183 yang dibaca di awal khutbah ini bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.”*

Dalam bulan Ramadhan, pelbagai ganjaran yang luar biasa diberikan kepada umat Islam yang berpuasa dan melaksanakan segala kewajipan. Malah melakukan amalan-amalan sunat juga akan memperolehi ganjaran pahala yang berlipat ganda. Hal ini dijelaskan melalui hadis nabi SAW sebagaimana yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّ عَمَلٍ ابْنِ آدَمَ يُضَاعِفُ الْحُسْنَةُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا إِلَى سَبْعِمِائَةٍ ضِعْفٍ  
قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ إِلَّا الصَّوْمُ فَإِنَّهُ لِي وَأَنَا أَجْزِي بِهِ يَدْعُ شَهْوَتَهُ  
وَطَعَامَهُ مِنْ أَجْلِي

*“Setiap amalan anak Adam dilipat gandakan pahalanya. Satu kebaikan pahalanya menyamai sepuluh hingga tujuh ratus kali ganda. Allah Azza wa Jalla berfirman, kecuali puasa, kerana puasa itu adalah untuk-Ku, dan Akulah yang akan memberi pahalanya, kerana orang berpuasa telah meninggalkan syahwat dan makannya kerana-Ku.”*

*(Riwayat Muslim).*

## **Sidang Jumaat yang berbahagia sekalian,**

Terdapat beberapa persediaan yang perlu dilakukan oleh umat Islam dalam menyambut kedatangan Ramadhan yang dinanti. Antaranya ialah dengan mempersiapkan kekuatan rohani, jasmani dan juga emosi serta ilmu pengetahuan untuk menghadapi ibadah puasa. Semua perkara ini sangat penting supaya kita dapat melaksanakan ibadah puasa dan ibadah yang lainnya dengan keikhlasan hati dan menepati syarak.

Selain itu, kita hendaklah mempersiapkan diri dengan amal soleh dalam menyambut Ramadhan kerana pintu syurga dibuka seluas-luasnya untuk semua manusia berlumba-lumba melakukan kebaikan bila tiba bulan ramadhan nanti.

Maka, amatlah diharapkan semoga kita semua dapat menerima kedatangan Ramadhan dengan hati yang bersih dan suci seterusnya mampu melaksanakan ibadah dengan sempurna dan istiqamah. Jadikanlah ibadah yang kita kerjakan berterusan daripada awal sehingga akhir Ramadhan. Bukan semata-mata bersemangat di minggu pertama Ramadhan sahaja.

Lakukan ibadah dengan bersungguh-sungguh dipenuhi dengan rasa keimanan yang tinggi. Hadis daripada Abu Hurairah Radhiyallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

**مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقدَّمَ مِنْ ذَنْبٍ**

*“Sesiapa yang menghidupkan Ramadhan dengan penuh keimanan dan hanya mengharapkan pahala dari Allah, maka akan diampuni dosanya yang telah lalu.”*

*(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).*

### **Sidang Jumaat Diberkati sekalian,**

Marilah sama-sama kita tumpukan perhatian sepenuhnya kepada persoalan-persoalan yang sering ditimbulkan supaya kita dapat menjalani ibadah puasa dengan yakin dan sempurna, antaranya:

1. Bolehkah seseorang itu berniat puasa Ramadhan sekali sahaja untuk sebulan penuh? Jawapannya boleh, iaitu bertaklid kepada Mazhab Maliki dengan syarat diniatkan hanya pada malam pertama Ramadhan sahaja untuk menampung sekiranya terlupa niat pada malam-malam lain.

Walau bagaimanapun niat puasa masih wajib dilakukan pada setiap malam Ramadhan.

Apakah hukum puasa seseorang yang tidak mahu bersahur dengan alasan ia mampu berpuasa tanpa sahur?. Puasanya sah tetapi tidak mendapat fadhilat dan barakah bersahur seperti yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW.

2. Batalkah puasa seseorang yang menjalani rawatan Hemodialysis (cuci darah)? Batal, tetapi wajib qada' puasanya jika mampu. Sekiranya ia tidak mampu qada' maka hendaklah ia membayar fidyah.

3. Bolehkah orang yang berpuasa menyediakan atau menjual makanan kepada orang yang tidak berpuasa tanpa uzur?. Tidak boleh dan berdosa, kerana perbuatan itu dikira sebagai bersubahat membantu orang yang melanggar perintah Allah.

4. Bolehkah meneruskan makan sahur jika tiba-tiba terdengar azan subuh ?. Tidak boleh dan mesti berhenti makan sahur, kerana telah mula waktu berpuasa.

5. Berapakah bilangan rakaat Solat Sunat Tarawih menurut Mazhab Syafie ?. Jawapanya Dua puluh (20) rakaat.

6. Adakah batal puasa orang yang menyucuk insulin pada bawah kulit perutnya? Jawapannya tidak batal.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Mengakhiri khutbah Jumaat pada hari ini, marilah kita bersama-sama menghayati beberapa pedoman berikut:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa ibadah puasa merupakan kewajipan dan perintah daripada Allah SWT.

2. Umat Islam hendaklah mempersiapkan diri dengan memperbanyakkan amal soleh sebagai persediaan awal untuk mengharungi bulan Ramadhan yang akan datang tidak lama lagi.

3. Umat Islam hendaklah menjadikan bulan Ramadhan sebagai bulan ibadah dengan berlumba-lumba melakukan kebaikan serta memohon keampunan, bukannya pesta makanan yang membawa kepada pembaziran.

﴿ وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرَضُهَا السَّمَوَاتُ ﴾

﴿ وَالْأَرْضُ أَعْدَتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴾

١٣٣

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## **KHUTBAH KEDUA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْعَمَنَا بِنِعْمَةِ الإِيمَانِ وَالإِسْلَامِ. وَأَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَاتَّبَاعِهِ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُووصِيْكُمْ وَنَفْسِيْ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ  
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

**مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحْمَكُمُ اللَّهُ،**

Marilah kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَمَّلُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَأْ عَلَيْهِ  
 وَسَلِّمُوا تَسْلِيْمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيطٌ بِالدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ. اللَّهُمَّ إِنَّا  
نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ  
مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالْطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَّلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاثِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ، إِبْنَ  
الْمَرْحُومِ السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِي بِاللَّهِ شَاهَ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى  
السُّلْطَانَةِ نُورَ زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةِ ترْغِيَانُو.

وَاحْفَظْ أُولَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا  
وَالآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَ الْعَهْدِ تَعْكُو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاثِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانِ  
مِيزَانَ زَيْنَ الْعَابِدِينَ.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَاحْمَدُ اللَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!  
أُذْكُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ،  
وَاسْكُرُوهُ عَلَى عُمُومِ نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُوْمُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمُكُمُ اللَّهُ.